

CNS6040

R CB 29-08 00194 BE131

Boh

Mahathir - Cenerssi (Dengan Gambar) (EMBARCO: Untuk siaran selepas pukul 10.30 malam ini).

.. KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengajak generasi muda menghargai semangat perjuangan para pemimpin dan rakyat dalam menuntut kemerdekaan untuk menjamin masa depan negara yang lebih cerah.

+Dengan cara ini, negara dapat melahirkan generasi semasa yang bukan sahaja sanggup berkorban tetapi juga berusaha dengan gigih dan tekun demi menjamin negara terus maju, aman dan makmur, katanya ketika berucap melancarkan Cuku Daftar Hari Merdeka 1990 di sini.

Beliau berkata, adalah menjadi tanggungjawab rakyat memastikan generasi muda mengikut haluan yang betul dan terhindar daripada gejala-gejala yang tidak diinginkan yang mungkin menggugat matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengajak rakyat supaya mengenang kembali jasa-jasa para pemimpin negara yang telah berjuang untuk mencapai kemerdekaan kerana kemakmuran dan kemewahan yang dinikmati hari ini adalah hasil daripada perjuangan mereka.

Mengenai sumbangan syarikat swasta pula, beliau berkata memang wajarlah syarikat-syarikat swasta memberikan sumbangan kerana kejayaan dan kemajuan yang mereka perolehi sekarang adalah hasil daripada nikmat kemerdekaan. -- Lagi

♥29/08/19-47MST

CNS6041

R CC 29-08 00113 BB132

Bah

Mahathir - Cenerasi 2 (Akhir) Kuala Lumpur (EMBARCO)

Beliau sukacita syarikat-syarikat swasta telah menyumbangkan wang untuk membiayai penerbitan buku daftar itu dan menambah kata semangat keriasama itu penting dan perlu sentiasa wujud dalam usaha mencapai Wawasan 2020.

Cuku itu yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Pusat Perayaan Hari Kebangsaan mengandungi aspek sejarah, ekonomi, sosial dan kebudayaan penduduk negara ini.

Bagi pelancong pula, buku itu dapat memberikan gambaran sepintas lalu tentang suasana dan cara kehidupan di negara ini.

Cuku itu memuatkan peristiwa-peristiwa sambutan perayaan Hari Kebangsaan pada tahun-tahun lepas di peringkat negeri dan kebangsaan serta merekodkan nama-nama syarikat yang telah berjaya di dalam pelbagai pertandingan semasa perayaan itu. -- Bernama

♥29/08/19-48MST

CNS6087

R CB 29-08 00214 BB138

Bah

Mahathir - Generasi 3 Kuala Lumpur (sambungan berita B169)

Pada majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir menyampaikan hadiah kepada svarikat-svarikat yang menvertai enam kategori Pertandingan Svarikat-Svarikat Swasta sempena Perayaan Hari Kebangsaan 1330.

Svarikat-svarikat Shell di Malaysia memenangi pertandingan bagi kategori svarikat swasta yang paling banyak membayar cukai pendapatan bagi tahun 1989 dan svarikat swasta yang paling banyak memberi sumbangan bagi meningkatkan kualiti hidup pekerja dan masyarakat keseluruhannya. Svarikat itu juga mendapat tempat kedua bagi kategori svarikat swasta yang paling banyak nilai eksportnya bagi tahun yang sama.

Kumpulan Guthrie Berhad pula memenangi kategori svarikat swasta yang paling giat menunjukkan peningkatan kemajuan dari segi jumlah pembayaran cukai pendapatan.

Bagi kategori svarikat swasta yang paling giat menunjukkan peningkatan kemajuan dari segi kadar peratusan iaitu jumlah cukai dibayar berbanding dengan peratusan dimenangi oleh Pacific Chemicals Berhad.

Svarikat Esso memenangi kategori svarikat swasta yang paling banyak nilai eksport bagi tahun 1989 sementara Golden Hope Plantations memenangi pertandingan svarikat swasta yang paling banyak mempunyai tenaga pekerja sehingga 31 Dis 1989.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi Jawatankuasa Pusat Perayaan Hari Kebangsaan, Datuk Seri Sanusi Junid, yang juga Menteri Pertanian. -- Bernama

♥30/08/00-00MST